



Headline: Rugi ditipu 'Inspektor Herman'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 14 September 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 30

Rugi ditipu 'Inspektor Herman'

KUANTAN - Seorang pengurus sebuah agensi perladangan di Temerloh menjadi mangsa scammer yang menyamar sebagai pegawai mahkamah dan polis dari Alor Setar, Kedah sehingga kerugian RM13,400 kelmarin.

Mangsa berusia 37 tahun itu dihubungi melalui telefon dan didakwa terlibat dalam kes langgar lari di daerah itu oleh anggota sindiket yang menyamar sebagai pegawai dari Mahkamah Majistret Alor Setar.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, suspek menyambungkan panggilan kepada seorang pegawai polis bagi tujuan semakan selepas mangsa menafikan dakwaan itu.

Menurutnya, mangsa berurusan dengan pegawai polis yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Herman sebelum dimaklumkan dia turut dikehendaki berhubung kes pengubahan wang



MOHD WAZIR

haram selepas nombor kad pengenjalannya disemak.

"Mangsa diarahkan supaya memindahkan wang dari akaun bank miliknya ke sebuah akaun lain yang diberikan suspek bagi tujuan siasatan atau akan ditangkap jika gagal berbuat demikian.

"Mangsa yang bimbang, akur dan memindahkan wang daripada akaun bank miliknya berjumlah RM13,400 ke akaun atas nama seorang lelaki pada hari sama," katanya ketika dihubungi di sini semalam.